

03/06/2002

Wartawan Berita Harian, Metro Ahad menang anugerah

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketua unit khas Berita Harian, Karim Sulaiman memenangi Kategori Kewartawanan Berita/Rencana bahasa Melayu pada Malam Wartawan Malaysia 2001 anjuran Institut Akhbar Malaysia (IAM) malam ini.

Artikelnnya bertajuk Masalah Pekebun Kecil Getah membolehkan Karim mendapat hadiah RM5,000, sijil penghargaan, tiket pergi balik kelas ekonomi Kuala Lumpur-Kota Kinabalu.

Hadiah itu disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis khas yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Turut hadir, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, timbalannya Datuk Khalid Yunus, Setiausaha Parlimen Datuk Zainuddin Maidin dan Pengerusi IAM Datuk Mazlan Nordin.

Sementara itu bagi kategori Kewartawanan Hiburan bahasa Melayu, wartawan Adam Salleh dari Metro Ahad dipilih sebagai penerima anugerah. Beliau menerima RM5,000 dan sijil penghargaan.

Bagi kategori Foto Terbaik, dua jurugambar New Straits Times (NST) Shahrizal Mohd Nor dan Khalid Redza menerima anugerah kategori itu dan masing-masing membawa pulang RM3,000, sijil penghargaan dan tiket penerbangan kelas ekonomi Kuala Lumpur-Kuching. Semua hadiah tiket penerbangan sumbangan Penerbangan Malaysia (MAS).

Sementara itu, wartawan Utusan Malaysia, Kamarulzaman Mohamad dipilih sebagai pemenang Hadiah Kajai, anugerah tertinggi dunia kewartawanan tanah air 2001.

Kamarulzaman menerima anugerah itu menerusi rencana bertajuk Penculikan di Pulau Sipadan, Sabah yang mengisahkan peristiwa penculikan di pulau peranginan itu pada 23 April 2000.

Beliau menerima hadiah RM10,000, pingat emas bernilai RM1,000, sijil penghargaan dan tiket penerbangan pergi balik Kuala Lumpur-Los Angeles atau Kuala Lumpur-New York.

Errol Ho Boon Peng dari Malaysian Business dipilih pemenang kategori Wartawan Cemerlang menerusi tulisannya yang bertajuk E-Commerce Making Net Gains.

Ho menerima hadiah RM10,000, sijil penghargaan dan tiket penerbangan pergi balik Kuala Lumpur-London.

Kategori Kewartawanan Berita/Rencana untuk bahasa Inggeris dimenangi Phillip S Golingai dari The Star, Tan Yoke Nai dari Nanyang Siang Pau (bahasa Cina) dan Vijaya Ahveeran Doraisamy dari Makkal Osai (bahasa Tamil).

Mohd Yusman Awang dan Ali Mahmood dari majalah Massa terbitan Utusan Melayu dipilih memenangi kategori Kewartawanan Sukan bagi bahasa Melayu manakala Joseph Raj dari The Star bagi bahasa Inggeris; Tan Boon Piau dari Nanyang Siang Pau (bahasa Cina) dan Muthamees Manan dari Malaysian Nanban (bahasa Tamil) dipilih memenangi hadiah sagu hati.

Kategori Laporan Ekonomi/Kewangan bahasa Melayu dimenangi Mohd Zuki Pileh dari majalah Massa; M Shanmugam dan Thanaseelen Rajasakran dari Malaysian Business (bahasa Inggeris) dan Moo Yuet Yan dari China Press (bahasa Cina).

Ghazali Basri dari Utusan Melayu antara tiga pemenang kategori Foto Terbaik.

Sementara itu, Karam Singh Walia dari TV3 memenangi kategori Kewartawanan TV manakala Yusnani Yushak juga dari TV3 memenangi kategori

Rencana TV terbaik. Masing-masing menerima hadiah RM7,000 serta tiket penerbangan.

Anugerah Penulis Majalah Terbaik dimenangi Normala Hamzah dan Nur Aishah Ismail dari majalah Wanita bagi kategori bahasa Melayu, Seow Kuwing Leong dari Feminin (bahasa Cina) dan Chandran Subramaniam dari Tamil Nayanan (bahasa Tamil).

Darwl Hay Den Goh dari The Star dipilih sebagai penerima anugerah kategori Kewartawanan Hiburan bahasa Inggeris, Yeong Chit Sei dari China Press (bahasa Cina) dan M Gunalan dari Malaysian Nanban (bahasa Tamil).

Kategori baru yang diperkenalkan iaitu Laporan Telekomunikasi tajaan Nokia dimenangi Mohd Ridzwan Md Iman dari Utusan Megabait bagi bahasa Melayu dan Karamjit Singh dari The Edge bagi bahasa Inggeris.

Mohd Zuki Pileh dari Massa dipilih sebagai penerima anugerah wartawan terbaik Laporan Sosial Ekonomi Islam, tajaan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam.

(END)